



EDISI KEDUA

BULETIN PPTD

EDISI SEPTEMBER

BENGGKEL PENULISAN KREATIF 2023

Bengkel Penulisan Kreatif ini telah diadakan pada 23 Jun 2023 (Jumaat) bermula pukul 8.30 pagi hingga 4.30 petang bertempat di INTAN Bukit Kiara. Seramai 20 peserta yang terdiri daripada Munsyi Muda Bahasa (MMB) Perkhidmatan Awam dan ahli PPTD telah menyertai bengkel ini. Bengkel ini merupakan sebahagian daripada Projek Penerbitan Buku Penulisan Kreatif secara swaterbit yang merupakan kolaborasi antara PPTD, INTAN dan Koperasi Penulis Nasional (KOPENA).



PERTANDINGAN TEATER PENDEK 10 MINIT

Bersempena dengan sambutan Ulang Tahun Ke-67, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah menganjurkan Pertandingan Teater Pendek 10 Minit yang bertemakan 'Bahasa Jiwa Bangsa.' Para peserta dikehendaki menghantar skrip teater mereka terlebih dahulu dan skrip terpilih diminta mempersembahkan teater pendek masing-masing.

JK Kebudayaan & Kesenian PPTD dengan kerjasama Antara Seni Perkhidmatan Awam (ASPA) telah menguruskan penyertaan bagi pertandingan ini dengan mengemukakan skrip teater bagi pertandingan ini kepada pihak penganjur. Dr. Ahmad Zairy bin Mohd Soieb daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah berbesar hati berkongsi karya beliau bertajuk "Prasetia Saadong" sebagai penyertaan pertandingan ini. Walaupun skrip yang dihantar tidak terpilih ke peringkat seterusnya, teater pendek ini akan dipentaskan di JPA bersempena dengan Perhimpunan Bulanan Jabatan.

SKRIP PERTANDINGAN TEATER PENDEK 2023 - BAHASA JIWA BANGSA Prasetia Saadong



JABATAN PERDANA MENTERI
Jabatan Perkhidmatan Awam

Skrrip Teater Pendek
PRASETIA SAADONG

WATAK
Puteri Saadong (Kelantan)
Raja Narai (Siam)
Thipruksa (Siam)
Khun Moor (Siam)
Nang Nai (Siam)

LOKASI SITUASI
Laman Kota Phra Nakhon Ayutthaya

PENULIS SKRIP
Antara Seni Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam



PERTANDINGAN
TEATER PENDEK
10 MINIT
BERSEMPENA DENGAN
SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-67 DBP



JOHAN RM4000.00
NAIB JOHAN RM3000.00
TEMPAT KETIGA RM2000.00
SAGU HATI RM1500.00 x 3

TARIKH TUTUP PENYERTAAN
31 MEI 2023
TARIKH PEMENTASAN
24 JUN 2023

IMEBAS KOD QR
UNTUK SYARAT DAN
BORANG PENYERTAAN



Sidang Redaksi

Penasihat
Datuk Seri Isham Ishak

Ketua Editor
Dr Tan Awang Besar

Editor
Dr Norazam Mohd Noor
Dr Razul Ikmal Ramli
Dr Yap Hock Ann

Pereka Grafik
Taufiq Asma' Mansur



PROGRAM BERKALA BERSEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA PADA 25 MEI 2023

Bersempena sambutan Hari Raya Aidilfitri, PPTD Toastmasters Club telah menganjurkan mesyuarat bertemakan 'Sate & Soto' di Rumah PPTD, Presint 10, Putrajaya pada 25 Mei 2023. Program tersebut telah dihadiri oleh ahli kelab serta peneraju peranan dari Shah Alam Toastmasters Club, Kelab Pidato Kuala Lumpur, Mid Valley Toastmasters Club dan Connaught Toastmasters Club.

Ahli PPTD TMC amat bertuah di atas kehadiran Toastmasters yang berpengalaman dalam sesi perkongsian ilmu, penyampaian ucapan dan penilaian yang efektif.



BENGKEL MEWARNA BERSAMA RAJA PENCIL WARNA MALAYSIA-UNEH

"Bengkel Melukis & Mewarna Bersama Uneh" merupakan satu program yang dirancang bagi memberi pendedahan kepada anak-anak ahli PPTD secara khususnya bagi aktiviti melukis dan mewarna. Para peserta telah didedahkan dengan asas teknik melukis dan mewarna yang lebih mudah dan cepat difahami. Tenaga pengajar jemputan, Encik Uneh atau nama sebenarnya Hasren Ismail yang juga lebih dikenali sebagai Raja Pensel Warna merupakan seorang yang berpengalaman dalam bidang seni mewarna ini.

Bengkel ini telah diadakan pada 3 Jun 2023 (Sabtu) bermula pukul 8.30 pagi hingga 12.00 t/hari bertempat di Rumah Kelab PPTD, Presint 10 Putrajaya. Seramai 40 orang anak-anak ahli PPTD yang berumur antara 7 hingga 14 tahun telah menyertai bengkel ini.





BENKEL STORYTELLING FOR LEADERS

PPTD Toastmasters Club (PPTD TMC) telah menganjurkan Bengkel *Storytelling for Leaders* pada 10 Jun 2023 di Dewan Mezzanine, Jabatan Perkhidmatan Awam, Putrajaya. Seramai 30 Pegawai Tadbir dan Diplomatik telah menyertai bengkel yang dikelola oleh Mas Mahathir, pemidato bertaraf dunia dan merupakan pemenang tempat Ke-3 di *World Championship of Public Speaking* Tahun 2022.

Bengkel tersebut dirasmikan oleh YBrs. Dr Tan Awang Besar, Exco Hal Ehwal Profesionalisme PPTD yang mewakili Presiden PPTD. Bengkel ini membuka peluang kepada peserta mempelajari kaedah berkesan untuk menyampaikan topik yang rumit, padat dengan data berfakta kepada cerita yang boleh difahami, diikuti dan diambil tindakan oleh orang ramai.

Setinggi penghargaan kepada PPTD Malaysia dan rakan strategik, Kelab JPA, ahli jawatankuasa program, ahli kelab PPTD Toastmasters dan para peserta di atas sokongan padu terhadap bengkel ini.



PROGRAM THE LEARNING JOURNEY – MALAM PENGHARGAAN PPTD TMC PENGGAL 2022-2023

Pada 22 Jun 2023, PPTD TMC telah menganjurkan malam sambutan dan pengiktirafan kecemerlangan warga kelab di Kafe Karyabhara, Shaftsbury Putrajaya dengan tema "*The Learning Journey*."

Program ini merupakan pengiktirafan bagi kesemua pegawai dan ahli kelab yang telah berjaya mencapai anugerah President's Distinguished Club iaitu anugerah tertinggi di peringkat kelab serta dengan pencapaian sempurna keseluruhan 10 sasaran yang ditetapkan oleh *Toastmasters International*.

Program ini turut dihadiri oleh Pengarah Kawasan J5, Justin Koh, rakan Toastmasters dari kelab yang berbeza, ahli baharu dan sedia ada bagi meraikan kejayaan sepanjang penggal 2022-2023. Majlis turut memberi pengiktirafan kepada ahli yang berjaya melengkapkan tahap pendidikan mengikut aras, pemenang Pertandingan Pidato dan Penilaian Antarabangsa serta Anugerah Toastmaster Cemerlang iaitu Intan Masyitah Mohd Murad. Tahniah juga diucapkan kepada barisan kepimpinan Jawatankuasa Eksekutif Kelab yang baharu dan sesi angkat sumpah jawatan baharu pula dipimpin oleh Pengarah Kawasan J5, Justin Koh.





SESI PPTD TOASTMASTERS CLUB BERSAMA PPTD LIBER CLAVA

Kelab Toastmasters PPTD telah mengadakan kolaborasi bersama PPTD *Liber Clava* secara dalam talian melalui platform ZOOM PADA 15 April 2023 (Sabtu). Sesi ini diadakan selama dua jam bermula dari pukul 9.00 hingga 11.00 pagi dengan tema "Booklore" melibatkan buku-buku dan penyediaan ucapan.

JOINT MEETING
PPTD TMC LIBER CLAVA
15th April 2023
Saturday | 9:00 AM - 11:00 AM | via ZOOM

Theme
Booklore
WoTD *bibliotherapy*
15th April 2023
Saturday | 9:00 AM - 11:00 AM | via ZOOM
Book Sharing Session | Prepared Speeches
Evaluations & Feedback | Who Says What Quiz

Toastmasters & Guest are Welcome!
Scan the QR Code or log on to <https://bit.ly/JoinPPTDTMCMeeting> for ZOOM registration.

WHERE LEADERS ARE MADE

Toastmasters & Guest are Welcome!
Scan the QR Code or log on to <https://bit.ly/JoinPPTDTMCMeeting> for ZOOM registration.

WHERE LEADERS ARE MADE

ANUGERAH DI PERSIDANGAN TAHUNAN TOASTMASTERS INTERNATIONAL DISTRICT 51

PPTD Toastmasters Club telah berjaya merangkul Anugerah Pencapai Awal *President's Distinguished 2022-2023* di Persidangan Tahunan *Toastmasters International District 51* yang diadakan pada 12 -14 Mei 2023 bertempat di St. Giles Wembley Pulau Pinang. Persidangan tersebut dihadiri lebih 300 ahli toastmasters dalam dan luar negara. PPTD TMC diwakili oleh Presiden Kelab, Nur Fazlina binti Fadzil dan Toastmaster Nurain binti Saiful Ahmad.

Anugerah Pencapai Awal *President's Distinguished* merupakan pengiktirafan tertinggi bagi kelab yang telah mencapai sekurang-kurangnya 9 daripada 10 matlamat dalam *Distinguished Club Program* dalam tempoh 10 bulan. Matlamat tersebut meliputi program pendidikan, peningkatan keahlian, latihan untuk pegawai kelab dan pentadbir kelab.

Persidangan Tahunan ini juga menampilkan pelbagai program menarik seperti sesi dialog *Artificial Intelligence*, perkongsian ilmu dalam meningkatkan kemahiran kepimpinan, Majlis Apresiasi dan Pertandingan *International Speech & Evaluation* peringkat *District 51*. Semoga pencapaian cemerlang ini memberi inspirasi kepada ahli kelab dan PTD untuk menjadi komunikator dan pemimpin yang berkesan.





EDISI KEDUA

BULETIN PPTD

EDISI SEPTEMBER

PROGRAM GOTONG-ROYONG RUMAH KELAB PPTD

Sekretariat PPTD telah mengadakan gotong-royong di Rumah Kelab PPTD Kuala Lumpur pada 16 Julai 2023 (Sabtu). Aktiviti gotong-royong yang julung kali diadakan ini turut disertai oleh Alumni PTD, Jawatankuasa Rumah Kelab, pihak Kafe Tugu dan Durian Tugu. Gotong-royong tersebut diadakan seawal jam 8.30 pagi sehingga jam 6 petang. Aktiviti ini telah berjaya membersihkan kawasan persekitaran Rumah Kelab.





JAWATANKUASA EKSEKUTIF PENGGAL 2023-2024

Tampuk kepimpinan baharu PPTD Toastmasters Club telah dipilih secara demokrasi melalui undian ahli, dan Jawatankuasa Eksekutif bagi Penggal 2023-2024 (*Executive Committee Term 2023-2024*) bakal menjalankan tugas bagi tempoh bermula Julai 2023 sehingga Jun 2024.

Tahniah dan selamat menjalankan tugas diucapkan kepada barisan Jawatankuasa Eksekutif yang baharu dan setinggi-tinggi penghargaan serta terima kasih dirakamkan buat barisan Jawatankuasa Eksekutif Penggal 2022-2023 yang berdedikasi memberikan komitmen dalam memastikan kelab ini terus cemerlang dan mencapai keunggulan.

PPTD TOASTMASTERS CLUB OF PUTRAJAYA
EXECUTIVE COMMITTEE | TERM 2023-2024

President Intan Masyitah Mohd Murad	Vice President Education Raihana Mohd Ghaus	Vice President Membership Nurain Saiful Ahmad	Vice President Public Relations Lim Kien Ping	Treasurer Ina Tisha Merican Din Merican	Secretary Nur Azza Aziz	Sergeant At Arms Eziatul Nurin Ahmad Sapawi	Immediate Past President Nur Fazlina Fadzil
---	---	---	---	---	-----------------------------------	---	---

All the best!
 PPTD TMC | WHERE LEADERS ARE MADE

PPTD TOASTMASTERS CLUB OF PUTRAJAYA
EXECUTIVE COMMITTEE | TERM 2022-2023

Vice President Public Relations Anis Marhani Abd Rashid	Vice President Education Intan Masyitah Mohd Murad	Vice President Membership Rosizham Hamdan	President Nur Fazlina Fadzil	Immediate Past President Maisarah Muhammad Rais	Treasurer Annie Ng Sue Nie	Secretary Ivin Mercy Jayabalan	Sergeant At Arms Muhammad Imran Razali
---	--	---	--	---	--------------------------------------	--	--

Thank you!




PROGRAM BERKALA PPTD TMC PADA 13 JULAI 2023 DAN 27 JULAI 2023

Program berkala PPTD TMC yang dijadualkan pada setiap hari Khamis minggu kedua dan keempat setiap bulan telah diadakan pada 13 dan 27 Julai 2023. Kedua-dua sesi ini telah diadakan secara dalam talian melalui platform Zoom.


- a) Sesi pertama pada penggal ini merupakan mesyuarat kali ke-108 dan diadakan pada **13 Julai 2023** bertemakan **'Sails Ahoy!**, bersempena dengan penggal baharu yang bermula dan meraikan peluang pembangunan diri yang luas terbentang dalam arena Toastmasters.

Sesi ini juga dihadiri oleh Area Director J5, Maisarah Muhammad Rais, yang juga merupakan ahli PPTD TMC bagi menyampaikan amanat beliau. **Peluang memimpin dalam Toastmasters tidak terhad kepada peringkat kelab sahaja** malah seseorang ahli berpeluang berkhidmat dan memimpin di peringkat Kawasan (Area), Daerah (District) sehingga ke peringkat antarabangsa. Sesi kali ini turut menyaksikan acara pengenalan (*induction ceremony*) ahli-ahli PPTD TMC yang baharu, iaitu Mohamad Faizal Hafiz Mohamed Ramli dan Fharzuq Hassan Zulkepli.





- b) Program sesi ke-109 pada 27 Julai 2023 pula membawa tema **'Wild and Free'**, bersempena dengan *International Tiger Day* yang disambut pada 29 Julai 2023. Tema ini juga dipilih sebagai tanda kasih dan sokongan untuk Pak Belang (*Malayan Tiger*) dan pemuliharaan alam sekitar secara amnya.



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PPTD

Tanggal 28 Julai 2023, telah berlangsung Mesyuarat Agung Tahunan PPTD 2023 bertempat di Dewan Utama, Kementerian Kewangan Malaysia. Mesyuarat pada kali ini menyaksikan kehadiran seramai 475 orang ahli PPTD. Pelancaran laman sesawang PPTD yang baharu dan kad perubatan di bawah MyPPTDCare turut diadakan.

Kemeraian juga turut dirasai dengan penyampaian sijil penghargaan kepada pemenang Sukan M-Games, penganugerahan olahragawan dan olahragawati dan acara penyerahan bendera serta T-shirt sempena PPTDHikers ke Jepun. Turut memeriahkan suasana adalah penyertaan pameran / reruai oleh rakan strategik MyPPTDCare yang terdiri daripada NZ Risk Management, Sixma Group, Nataasya Jewellers Sdn. Bhd, HW *Global Escelente* Sdn. Bhd, Affin Bank, syarikat barangan elektrik SHARP dan Lembaga Koko Malaysia.






PROGRAM PELESENAN PPTD DIVERS TAHUN 2023

Kelab Selam PPTD telah menganjurkan Program Pelesenan PPTD Divers bertempat di Pulau Perhentian, Terengganu pada 20-23 Julai 2023 sebagai usaha untuk menarik lebih ramai PTD untuk menceburi aktiviti menyelam. Program yang sama pernah diadakan pada 2017, 2018 dan 2019.

PPTD Divers telah mengadakan *Program Discovering Scuba Diving* (DSD) pada 11 Mac 2023 DSD di *Nautilus Dive Centre* (PADI Dive Centre) di Bukit Kiara, Kuala Lumpur. Dalam program DSD, peserta telah diajar dan diberikan kelas *basic* cara aktiviti penyelaman skuba yang dijalankan dalam *controlled environment* di bawah pimpinan instructor yang berpengalaman. Seramai 14 orang yang terdiri daripada 10 ahli Persatuan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PPTD) Divers dan empat (4) peserta luar turut serta dalam program ini. Seramai lima (5) peserta telahpun berjaya mengambil lesen skuba.





RERUAI PPTD TMC DI MESYUARAT AGUNG TAHUNAN (AGM) PPTD PADA 28 JULAI 2023

PPTD TMC merupakan salah satu daripada platform tersedia untuk berlatih dan mengasah kemahiran berkomunikasi dan kepimpinan. Bersempena **Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) PPTD** yang diadakan di Dewan Utama, Kementerian Kewangan Malaysia pada **28 Julai 2023**, PPTD TMC mengambil kesempatan untuk mempromosikan kelab ini dengan membuka reruai semasa program tersebut.

Inisiatif ini juga merupakan salah satu daripada projek dalam Toastmasters Pathways bagi peringkat Level 4 yang dijalankan oleh Annie Ng, ahli PPTD TMC. Reruai ini telah mendapat sambutan dan sokongan daripada pegawai-pegawai PTD yang hadir ke AGM dan ingin mengetahui lebih lanjut mengenai Toastmasters.



CLUB OFFICERS TRAINING (COT) PADA 30 JULAI 2023

Barisan Jawatankuasa Eksekutif PPTD TMC telah menghadiri **program latihan Club Officers Training (COT) Siri 1** anjuran **Toastmasters Leadership Institute (TLI)** pada 30 Julai 2023 di HELP University, Damansara, Kuala Lumpur. Program latihan ini memperkasakan pengetahuan barisan Jawatankuasa Eksekutif mengenai tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dalam mengemudi kelab, serta menyediakan peluang untuk bersuai kenal dan seterusnya berkolaborasi dengan ahli-ahli Toastmasters dari kelab-kelab dalam Lembah Klang.

Jawatankuasa Eksekutif PPTD TMC turut mensasarkan kejayaan bagi kempen **Enthusiastic Club Award** anjuran District 51 Toastmasters yang diumumkan semasa sesi COT ini, sebagai salah satu pencapaian kelab bagi penggal ini.

No.	Description	Points
01	DCP Education Goals (Goal 1 to Goal 6) Any 3	15
02	Recruit 4 new members	10
03	Recruit 4 more new members	10
04	Maintain club base of 20 members or a net growth of 2 new members	10
05	Conduct 1 recruitment activity (Speechcraft / YLP or any workshop related with Toastmasters)	15
06	COT 1 full attendance	8
07	COT 2 full attendance	8
08	2 Electronic Club Meetings	8
09	Conduct Speech Contests	8
10	President and VP attended all DCM	8
	TOTAL	100

Google Form: https://bit.ly/DS1_PQ2
Items @ coasts@100
For more information, please contact:
Belinda Wee, MSS | +6019-699 6685
Follow Us: [linktr.ee/d51toastmasters](https://www.facebook.com/linktr.ee/d51toastmasters)

PQ2
4/5





LAWATAN PENGARAH UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN

Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Kuala Lumpur iaitu Tuan Haji Jamaruslam bin Abdullah bersama 4 pegawai ICU telah mengadakan sesi lawatan ke Rumah Kelab Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD) pada 8 Ogos 2023. Objektif utama lawatan tersebut adalah bagi mengetahui perkembangan terkini Projek Baik Pulih Rumah Kelab PPTD Kuala Lumpur.


Lawatan Pengarah ICU dimulakan dengan meninjau bahagian-bahagian Rumah Kelab yang terlibat dengan kerja-kerja baik pulih. Bahagian yang telah dipersetujui mengikut peruntukan RM265,150 adalah meliputi Bilik Mesyuarat, Surau (lelaki dan perempuan) serta Pejabat Alumni PTD. Beliau turut melawat Pejabat Sekretariat bagi melihat sendiri keadaan fizikal dan pendawaian elektrik yang terjejas di ruang pejabat.



PROGRAM BERKALA PPTD TMC PADA 10 OGOS 2023 DAN 24 OGOS 2023

Bagi bulan Ogos, 2 siri program berkala telah diadakan pada 10 Ogos dan 24 Ogos 2023 secara dalam talian.

- Sesi ke-110 pada 10 Ogos 2023 bertemakan '**Come Rain or Shine**', bagi menyuntik semangat untuk meneruskan usaha memperkasakan kemahiran diri dalam kesibukan rutin harian serta perkara luar jangka yang berlaku.





- b) Sesi ke-111 pada 24 Ogos 2023 seterusnya mengangkat tema **'MY Heartbeat'** bersempena dengan sambutan Hari Kebangsaan yang diraikan pada 30 Ogos 2023 dan manifestasi kebersamaan dalam kepelbagaian di tanah air tercinta.



MEMBERSHIP INCENTIVE PROGRAMME (MIP)

Sebuah program yang bertujuan untuk **menggalakkan penyertaan ahli PPTD TMC dalam aktiviti-aktiviti Toastmasters** iaitu *Membership Incentive Programme (MIP)* telah dilancarkan pada 14 Ogos 2023. Program ini berlangsung sehingga 15 Mac 2024 dan melalui program ini, setiap penglibatan ahli membawa markah yang secara kumulatifnya akan melayakkan ahli menerima insentif rebat untuk uran keahlian penggal akan datang (iaitu penggal April 2024 sehingga September 2024).

Selain itu, ahli paling aktif akan dinobatkan sebagai Outstanding Toastmaster, yang akan diumumkan semasa majlis apresiasi pada hujung penggal. Penyertaan ahli yang diambil kira tidak terhad kepada aktiviti anjuran kelab PPTD TMC sahaja, malah **terbuka bagi sebarang aktiviti dalam ekosistem Toastmasters** sehingga ke peringkat global. Ini merupakan inisiatif kelab untuk **mengasah kemahiran komunikasi dan kepimpinan ahli secara efektif, memaksimumkan manfaat yang boleh didapati daripada platform Toastmasters dan seterusnya meningkatkan kualiti PPTD TMC.**

MEMBERSHIP INCENTIVE PROGRAM MIP

MIP is an initiative by PPTD TMC to encourage and celebrate active participation of members in Toastmasters activities. Members will be rewarded through rebates on the membership fee for April 2024 renewal period.

Activities with Points:

<input checked="" type="checkbox"/> Attending club meetings/ being a role player	<input checked="" type="checkbox"/> Involved in organising TM events
<input checked="" type="checkbox"/> Completing speech projects	<input checked="" type="checkbox"/> Getting new members
<input checked="" type="checkbox"/> Visiting other TM clubs	<input checked="" type="checkbox"/> Taking up special duties (e.g. Club/District)
<input checked="" type="checkbox"/> Entering speech contests	<input checked="" type="checkbox"/> Involved in organising speech contests
<input checked="" type="checkbox"/> Special achievement	

Membership Fee Incentive

- 60 points & above - 50% rebate
- 46 - 59 points - 40% rebate
- 36 - 45 points - 30% rebate
- 20 - 35 points - 20% rebate
- 5 - 19 points - 10% rebate

PLEASE CONTACT

VPM Nurain at
+6011-54056032


MIP to commence from 14 August 2023 until 15 March 2024.
Submit your proof of participation via <https://tinyurl.com/MIP0304>



KENYATAAN MEDIA - PENAFIAN SURAT LAYANG

Persatuan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PPTD) sentiasa berusaha untuk menjaga maruah, integriti dan martabat perkhidmatan PTD dan ahli-ahlinya. Walau bagaimanapun, masih wujud usaha sesetengah pihak yang cuba menangguk di air keruh dengan pelbagai tohmahan untuk menjatuhkan Institusi KSN, KPPA dan maruah PPTD serta cuba mengganggu-gugat melalui pengedaran surat layang.

Dalam hal ini, Datuk Seri Haji Isham Ishak selaku Presiden PPTD terpaksa menangkis surat layang yang dikaitkan dengan PPTD dengan mengeluarkan kenyataan media penafian bagi mengelakkan perkara ini menjadi bertambah keruh. Tindakan susulan turut diambil oleh Encik Nazli Md Taib-Setiausaha Kehormat PPTD dengan membuat laporan polis pada 15 Ogos 2023 agar siasatan dilakukan dan sedikit sebanyak mengurangkan kegusaran sesetengah pihak.



KOLABORASI PPTD BERSAMA BGA DAN ASB

Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD) melalui Biro Profesionalisme PPTD mengorak satu lagi langkah untuk mengangkat martabat dan kompetensi Pegawai Tadbir dan Diplomatik dalam mendepani perkhidmatan masa hadapan. Usaha ini dilakukan dengan mengadakan kolaborasi dengan pihak *Bower Group Asia (BGA)* dan *Asia School of Business (ASB)* melalui cadangan penubuhan *Asia School of Public Policy (ASPP)* pada masa hadapan. PTD akan ditawarkan untuk menyertai latihan dibawah Program ASPP ini.

Satu sesi perbincangan telahpun diadakan pada 21 Ogos 2023 bertempat di Bilik Pujangga, Bahagian Dasar Kebudayaan, MOTAC. Pihak PPTD diwakili oleh Dr Tan Awang Besar - Exco Hal Ehwal Profesionalisme, Encik Azrul Izham Hamzah - Bendahari PPTD, Ahli Jawatankuasa Biro Hal Ehwal Profesionalisme - Dr Yap Hock Ann dan Dr Ida Syahrina. Pihak BGA pula diwakili oleh Encik Hazree Mohd Turee - *Managing Director*, Pn Thatcheene Manusamy - *Human Resources, Payroll & Compliance Manager* manakala pihak ASB pula diwakili oleh Pn Kruthiga Permar - *Corporate Development Director* dan Jamie Suarez - *SAP Corporate Development*. Secara ringkas, ketiga-tiga pihak telah menyatakan persetujuan untuk mengadakan kerjasama dan kolaborasi ke arah merealisasikan hasrat cadangan penubuhan ASPP.





PPTD DIVERS SELAMI SEMARAK MERDEKA DI DASAR LAUT

KUALA NERUS – “Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri”. Begitulah ungkapan yang sesuai bagi menggambarkan keindahan bumi Malaysia dan segala khazanah alam semulajadinya yang kaya dengan flora, fauna dan kepelbagaian spesies hidupan laut.

Demi menyemarakkan semangat patriotisme, Kelab Selam Skuba Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD Divers) telah mengibarkan Jalur Gemilang di bawah laut di ASEAN Underwater Mini Landmark (AUMIL) terletak di Pusat Penyelidikan UMT, Pulau Bidong, Terengganu. Bersempena dengan Sambutan Hari Kemerdekaan pada tahun ini yang merupakan acara tahunan PPTD Divers, seramai 21 orang peserta melibatkan 17 orang ahli PPTD dan turut disertai oleh empat peserta luar telah menyertai program ini yang dijayakan dengan kerjasama Universiti Malaysia Terengganu pada 24 sehingga 26 Ogos 2023 yang lalu.

Selain memupuk semangat cintakan negara, program ini turut bertujuan meningkatkan tahap kesedaran dan pengetahuan terhadap penjagaan dan pemuliharaan alam marin yang menjadi 'harta berharga' negara. Biarpun berdepan dengan kekangan peruntukan dan penajaan, program tersebut dapat direalisasikan hasil daripada semangat kesukanan dan kerjasama padu dalam kalangan ahli PPTD; ia bertepatan dengan Tema Hari Kemerdekaan 2023, Malaysia MADANI: Tekad Perpaduan Penuhi Harapan.

Antara aktiviti yang turut dijalankan sepanjang tiga hari tersebut adalah refleksi ambang kemerdekaan, perkongsian erti kemerdekaan serta nyanyian lagu-lagu patriotik. Di samping menikmati keindahan perairan negara yang memukau, diharap nilai patriotisme yang tinggi terus menjadi lambang keunggulan dan manifesto dalam kalangan ahli PPTD.





EDISI KEDUA

BULETIN PPTD

EDISI SEPTEMBER

LAPORAN KEMAJUAN RUMAH PPTD

Rumah Kelab PPTD berkeluasan lantai kasar seluas 71,572.96 kaki persegi telah bermula pembinaannya selepas penyerahan tapak projek pada 23 Februari 2023 untuk kegunaan dan keperluan ahli-ahli PPTD Rumah Kelab PPTD sedia ada di Persiaran Sultan Salahuddin, Kuala Lumpur mempunyai ruang yang terhad dan tidak sesuai lagi untuk kegunaan ahli-ahli PPTD.

Apabila siap, rumah baharu ini bakal menjadi pusat kegiatan dan pelbagai kemudahan ditawarkan kepada semua ahli PPTD. Status terkini kemajuan pembinaan sehingga 30 September adalah sebanyak 13.4 peratus.



TINTA PPTD: PTD TERAJUI REALISASI MALAYSIA MADANI

Persatuan Tadbir dan Diplomatik melalui Jawatankuasa Exco Hal Ehwal Profesionalisme buat julung kalinya akan menerbitkan TINTA PPTD dengan tema "PTD Terajui Realisasi Malaysia Madani." Penerbitan ini melibatkan kompilasi artikel-artikel yang ditulis sendiri oleh Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) secara santai tetapi penuh dengan makna sama ada tersurat dan tersirat.

TINTA PTD ini memberi ruang dan peluang kepada pegawai PTD untuk berkarya dan berkongsi pendapat masing-masing dalam bentuk penulisan artikel. Rebutlah peluang dan jadilah penulis PTD yang terpilih dalam keluaran sulung penerbitan ini.





SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- Terbuka kepada semua pegawai PTD tanpa had gred jawatan. PTD yang memiliki PhD dialu-alukan untuk mengambil bahagian.
- Boleh disertai oleh semua pegawai PTD yang masih dalam perkhidmatan. Setiap penyertaan akan dinilai dan dipilih oleh panel editorial, dan semua keputusan yang dibuat adalah **MUKTAMAD**.
- Semua penyertaan akan diberikan **SIJIL PENYERTAAN**.
- Setiap artikel yang terpilih untuk penerbitan akan diberikan **HONORARIUM RM100**.

KONSEP BUKU

- Penulisan secara santai bukan berbentuk akademik.
- Setiap artikel perlu memfokuskan kepada **SATU SAHAJA** daripada enam rukun MADANI.

ISI KANDUNGAN

Setiap artikel hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya topik seperti berikut:

- Pengenalan.
- Ringkasan latar belakang pengalaman kerjaya penulis.
- Isu dan cabaran kerjaya yang mempunyai perkaitan dengan teras MADANI.
- Syor inisiatif yang boleh diambil oleh PTD bagi mengatasi isu dan cabaran tersebut, sesuai dengan prinsip teras MADANI (boleh dicadangkan dalam bentuk fasa pelaksanaan – jangka pendek, sederhana dan panjang).
- Penutup.

FORMAT PENULISAN

- Penulisan artikel adalah dalam **BAHASA MELAYU SAHAJA**.
- Times New Roman, font saiz 12, langkau 1.5 baris.
- Had perkataan – antara 1,700 hingga 2,000 patah perkataan sahaja.
- Tajuk artikel – huruf besar dan bold.
- Sub topik – huruf besar bagi huruf pertama dan bold.
- RUJUKAN TIDAK DIPERLUKAN** dalam penulisan artikel ini, kecuali benar-benar perlu sahaja.

GAYA BAHASA

- Laras bahasa adalah merujuk kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Penggunaan istilah dalam Bahasa Inggeris perlu italic.
- Nombor tunggal perlu dieja (contoh: 1-9)..

PENGHANTARAN ARTIKEL

Semua artikel hendaklah dihantar melalui e-mel kepada editor-editor berikut:

- Dr. Tan Awang Besar (awangbesar@motac.gov.my)
- Dr. Darshana Kumari Ragupathy (darshana@intanbk.intan.my)
- Dr. Norazam Mohd Noor (azamnoor88@gmail.com)

Tarikh akhir penghantaran artikel adalah pada 30 NOVEMBER 2023 (KHAMIS).

MAKLUMAT PENGIRIM

Tajuk Artikel : (Bebas)
Nama Penulis :
Jawatan Semasa :
Tempat Bertugas :
No. HP :



PROGRAM BERKALA PPTD TMC PADA BULAN SEPTEMBER SEHINGGA DISEMBER 2023

Mesyuarat berkala PPTD TMC bagi tempoh September 2023 sehingga Disember 2023 telah dijadualkan pada setiap hari Khamis minggu kedua dan keempat setiap bulan, seperti takwim di atas. Mesyuarat diadakan secara dalam talian dan juga secara fizikal bagi meraikan perayaan atau sambutan tertentu.

Penyertaan bagi sesi mesyuarat tidak terhad kepada ahli PPTD TMC sahaja, dan **terbuka kepada semua**, sama ada ahli Toastmasters atau bukan ahli. **Semua pegawai PTD diundang dan dialu-alukan untuk menyertai sesi mesyuarat ini**, yang berfungsi sebagai platform untuk melatih kemahiran berkomunikasi, serta peluang untuk mewujudkan jaringan kerjasama (networking).

Hebahan mengenai sesi mesyuarat dilakukan dari semasa ke semasa melalui platform Whatsapp dan Facebook PPTD TMC (<https://www.facebook.com/groups/pptdtoastmastersclubofputrajaya/>).

PPTD TOASTMASTERS CLUB MEETING ROSTER
AUGUST – DECEMBER 2023

Month	Meeting #	WOTD	Theme	Meeting Title	Physical Meeting (P)
August	#110 – 10 Aug	Devotion		Come Rain or Shine	
August	#111 – 24 Aug	Magnanimous		My Heartbeat	
September	#112 – 14 Sept	Consonance (Malaysia Day Themed)		Unity in Diversity	Yes
September	#113 – 28 Sept	Irenic		Let's Give Peace a Chance	
October	#114 – 12 Oct	Opulent		Show Me the Money	
October	#115 – 26 Oct	Fabulist (Storybook Themed)		Once Upon A Time	
November	#116 – 9 Nov	Lucent (Deepavali Themed)		Let There Be Light	Yes
November	#117 – 23 Nov	Mettle		Dancing in the Rain	
December	#118 – 14 Dec	Club Contest		You're Simply the Best!	
December	#119 – 28 Dec	Euphonic (Year End)		Start With The End in Mind	Yes

P Physical meeting



“PERSATUAN KITA, TANGGUNGJAWAB KITA”

www.pptd.my

Februari 2023. Copyright© 2023, Persatuan Perkhidmatan Tadbir Dan Diplomatik, Hak Cipta Terpelihara

BULETIN EDISI KEDUA 2023
PERSATUAN PERKHIDMATAN TADBIR DAN DIPLOMATIK